



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 18 Tahun 2020

PENAMBAHAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BAHAN *OPEN AND DISTANCE LEARNING* (ODL) DALAM KATEGORI PENYELIDIKAN (K2) DALAM PENGIRAAN AMANAH TUGAS PENSYARAH (ATP) SUSULAN PENULARAN WABAK COVID-19

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan penambahan satu aktiviti baharu iaitu pembangunan bahan *Open and Distance Learning* (ODL) dalam kategori penyelidikan (K2) untuk pengiraan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) bagi semester Mac-Julai 2020 dan Okt 2020-Feb 2021.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan ATP di UiTM telah bermula sejak 01 Januari 2012. Sumber rujukan utama pelaksanaan ATP adalah Pekeliling Akademik Bil. 05/2017: Pelaksanaan ATP 3.0 UiTM.

3. Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 di seluruh negara. Ini diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sepanjang perintah kawalan tersebut, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tetap diteruskan di kediaman para pensyarah dan pelajar melalui kaedah terbuka dan jarak jauh (ODL).

4. Antara kaedah ODL yang dilaksanakan oleh pensyarah adalah seperti berikut:

- Pos
- Pesanan Suara
- SMS
- Telefon
- Radio / TV
- E-mel
- Media Sosial / Web 2.0
- Live Chat
- Learning Management System (LMS)
- Aplikasi Sidang Video

5. Oleh kerana arahan penyampaian pengajaran secara ODL dibuat serta merta susulan dari PKP, para pensyarah telah diletakkan dalam keadaan terdesak untuk mempelajari dan mengaplikasikan kaedah baharu termasuk pembangunan bahan dan penggunaan teknologi terkini yang sesuai. Pensyarah memerlukan masa untuk mengikuti latihan dan menyediakan bahan dan seterusnya menyampaikannya menggunakan pelantar-pelantar pengajaran yang agak asing sebelum ini.

PELAKSANAAN

6. Majlis Eksekutif Universiti (MEU) melalui mesyuarat bilangan 17/2020 pada 10 Jun 2020 telah meluluskan penambahan aktiviti pembangunan bahan ODL dalam K2 bagi semester Mac-Julai 2020 dan Oktober 2020-2021.
7. Keputusan ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada pensyarah menumpukan lebih masa dalam penyediaan bahan-bahan pengajaran yang dilaksanakan secara ODL. Keperincian bahan-bahan pengajaran perlu dilakukan supaya pelajar dapat memahaminya dengan lebih mudah. Penilaian dan pentaksiran kursus perlu dilakukan secara terperinci oleh semua pensyarah dalam kaedah penyampaian ODL.
8. Modul dan bahan pengajaran seperti *Massive Open Online Course (MOOC)*, video, *narrated Power Point* dan seumpamanya yang dibangunkan sendiri oleh pensyarah akan diambil kira ke dalam pengiraan ATP pensyarah dan diletakkan dalam salah satu aktiviti kategori K2, dinamakan sebagai '*ODL Content Development*'.
9. Kesetaraan jam untuk pembangunan bahan setiap kursus yang berbeza secara ODL adalah 3 jam. Maka pensyarah yang mengajar satu kursus diberi kesetaraan jam di kategori K2 iaitu 3 jam / seminggu. Pensyarah yang menyediakan bahan pengajaran untuk dua (2) kursus berbeza diberi 6 jam K2 (2 kursus x 3 jam) dan seterusnya.
10. Bukti pembangunan bahan perlu disediakan dalam bentuk pelaporan yang mengandungi pautan ke laman sesawang di mana hasil bahan disiapkan atau dipamerkan. **Pengiraan K2 ini diguna pakai bagi pensyarah DM52 dan ke bawah sahaja** pada semester Mac-Julai 2020 dan Oktober 2020-Feb 2021.
11. Laporan pembangunan bahan perlu disemak dan disahkan di peringkat fakulti/UiTM cawangan masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

12. Pekeliling ini dikeluarkan pada 25 September 2020.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai Mac 2020.



PROF. Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 25 September 2020